



HELAIAN MAKLUMAT

IKHLAS BASIC CRITICAL ILLNESS TAKAFUL

Butiran Orang Yang Dilindungi

Nama Orang Yang Dilindungi	Sample		
Kad Pengenal Baru	Ya	961025	- 12 - xxx1
Jantina	Lelaki		
Perokok	Tidak		
Tarikh Lahir	10/25/1996		
Umur	25		
Pendapatan Tahunan	25,000.00		
Tempoh - Penyakit Kritikal	20		
Jumlah Amaun Perlindungan	RM 20,000.00		
Mod Sumbangan Takaful	Tahunan		

Butiran Pelan Asas

	Kod Pelan	Tempoh	Amaun Perlindungan	Umur Matang	Sumbangan Takaful
					Tahunan
Pelan Asas	TBT1BSCCI10073D	20	20,000	Pelan 4	150.30
Jumlah Sumbangan Takaful*					150.30

* Duti Setem sebanyak RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa permulaan dan Sumbangan Takaful adalah termasuk cukai-cukai lain, jika ada, pada kadar semasa.

HELAIAN KETERANGAN PRODUK (v0.13)

TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLAS Basic Critical Illness Takaful”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS BASIC CRITICAL ILLNESS TAKAFUL

Tarikh: 21/10/2021

1. Produk apakah ini?

Ini adalah pelan asas dan sumbangan berkala takaful perubatan dan kesihatan yang memberikan perlindungan sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos menghidapi penyakit kritikal seperti strok/angin ahmar, serangan jantung atau kanser. Ini adalah pelan perlindungan tulen tanpa komisyen yang tidak menyediakan sebarang manfaat takaful atau bayaran balik apabila Sijil Takaful diserahkan.

Anda boleh menyertai pelan ini jika anda berumur antara 17 - 55 tahun. Umur adalah berdasarkan harijadi akan datang.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.
- **Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

3. Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

100% Amaun Perlindungan Penyakit Kritikal akan dibayar apabila Orang Yang Dilindungi telah disahkan menghidapi mana-mana penyakit kritikal yang berikut:

- (i) Strok/Angin Ahmar
- (ii) Serangan Jantung
- (iii) Kanser

Nota:

1. Amaun Perlindungan maksimum yang boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Takaful Ikhlas Family Berhad ke atas diri Orang Yang Dilindungi untuk semua produk penyakit kritikal secara langsung yang ditawarkan oleh pihak Syarikat haruslah tidak melebihi RM100,000 untuk setiap penyakit kritikal.
2. Peserta Takaful dan Orang Yang Dilindungi mestilah orang yang sama.
3. Umur matang yang maksimum adalah sehingga 65 tahun.
4. Tempoh kontrak : [20] tahun.
5. Sila rujuk Lampiran A untuk definisi lanjut penyakit kritikal di atas.
6. Sila baca Sijil Takaful untuk maklumat lebih lanjut mengenai manfaat-manfaat produk.

4. Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar berbeza bergantung kepada amaun perlindungan yang anda pilih, jantina, status perokok, umur dan tempoh sijil:

Anggaran jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar	:	RM150.30
Kekerapan Bayaran	:	[Tahunan]
Tempoh Sumbangan	:	Sehingga umur [45] tahun.

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah **TIDAK DIJAMIN** dan pihak Syarikat berhak untuk menyemak kadar Sumbangan Takaful pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Pihak Syarikat akan memberi sembilan puluh (90) hari sebelum ulang tahun Sijil Takaful notis bertulis kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat. Terma dan syarat untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak-semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

a) Yuran Wakalah

Yuran Wakalah sebagai peratusan daripada Sumbangan Takaful akan dikenakan. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk peratusan Yuran Wakalah yang terperinci.

Tempoh	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5 & ke atas
Peratusan	25%	22%	18%	15%	10%

b) Caj Sijil Takaful

Caj Sijil Takaful sebanyak RM48 untuk setiap Sijil Takaful akan dikenakan setiap tahun. Yuran ini adalah tambahan kepada Yuran Wakalah.

c) Tabarru'

Jumlah tabarru' adalah baki Sumbangan Takaful selepas ditolak Yuran Wakalah dan Caj Sijil Takaful. Amaun ini akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

d) Yuran Pembaharuan Semula

Yuran penguatkuasaan semula adalah sebanyak RM15, ditambah cukai-cukai lain, jika ada.

e) Duti Setem

Duti Setem sebanyak RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa permulaan.

Nota: Penguatkuasaan semula merujuk kepada keadaan di mana anda menguatkuasakan semula Sijil Takaful anda selepas ianya luput. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk butiran lanjut berkenaan penguatkuasaan semula.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – Peserta Takaful dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti keadaan kesihatan, dan menyatakan umur dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika Peserta Takaful didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan kepada Peserta Takaful.
- b) Tempoh Bertenang – Peserta Takaful boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada) akan dikembalikan kepada Peserta Takaful. Pihak Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaan surat pembatalan dan Sijil Takaful akan dianggap tidak berkuat kuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- c) **Tempoh Menunggu:**
 - I. Tempoh menunggu selama **tiga puluh (30) hari** akan digunapakai dari Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian untuk keadaan berikut:
 - (i) Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom- simptom klinikal berterusan
 - II. Tempoh menunggu selama **enam puluh (60) hari** akan digunapakai dari Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian untuk keadaan berikut:
 - (i) Serangan Jantung – keterukan tertentu
 - (ii) Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
- d) Manfaat Penyakit Kritikal akan tamat pada tarikh ulang tahun Sijil Takaful serta-merta selepas hari jadi Orang Yang Dilindungi yang ke-65 atau pada Tarikh Matang yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful, yang mana terdahulu.
- e) Adalah penting bagi Peserta Takaful untuk menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- f) Sila hubungi pihak Syarikat, sekiranya Peserta Takaful tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan.
- g) Sijil Takaful akan luput apabila Sumbangan Takaful tidak dibayar dalam Tempoh Ehsan.
- h) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada pihak Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu oleh pihak Syarikat. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada pihak Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- i) Sijil Takaful ini tidak menyediakan sebarang amaun manfaat dari Dana Risiko seandainya berlaku pembatalan, matang, serahan atau tamat tempoh kepada Sijil Takaful.

Nota: Senarai ini adalah tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian-kecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak akan melindungi Penyakit Kritikal berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- a) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- b) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
- c) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- d) Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- e) Sebarang ketidapatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya; atau
- f) Sebarang keadaan sedia wujud sebelum penerimaan perlindungan; atau
- g) Jika penyakit tersebut didiagnos dalam Tempoh Menunggu dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful ini atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah Sijil Takaful ini.

8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan memberikan notis bertulis kepada pihak Syarikat. Semasa pembatalan, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik Sumbangan Takaful tetapi perlindungan anda akan diteruskan sehingga tempoh Sumbangan Takaful yang seterusnya.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk Peserta Takaful memaklumkan kepada pihak Syarikat sebarang perubahan pada maklumat/ alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada Peserta Takaful dalam jangka masa ditetapkan.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *insurance info* mengenai 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

Tel: +603-2723 9696

Faks No: +603-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11. Produk Takaful Perubatan dan Kesihatan seumpama yang boleh didapati.

Sila dapatkan penjelasan lanjut bagi jenis pelan seumpama yang ditawarkan oleh pihak Syarikat atau lawati laman web kami untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIKIL TAKAFUL INI DAN MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN, MUNGKIN MENAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS HENDAKLAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENYATAKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIGUNAPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN INI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Maklumat yang terdapat dalam Helaian Keterangan Produk ini sah pada : 21/10/2021

DEFINISI PENYAKIT-PENYAKIT KRITIKAL (C)**1. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom - simptom klinikal berterusan**

i) Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

ii) Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- a) Serangan iskemia sementara (TIA)
- b) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain
- c) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah
- d) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi- fungsi vestibular

2. Serangan Jantung – keterukan tertentu

i) Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- a) Sejarah sakit dada tipikal;
- b) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- c) Peningkatan petunjuk kardiium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
 - Troponin T Kardiium atau Troponin I Kardiium $> / = 0.5$ ng/ml

ii) Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

iii) Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- a) kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil.
- b) peningkatan petunjuk kardiium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

3. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

i) Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

ii) Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- a) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut;
 - pra-malignan
 - bukan invasive
 - karsinoma in situ
 - mempunyai malignan pinggir (borderline)
 - mempunyai potensi malignan
- b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3
- f) Semua kanser dengan kewujudan HIV
- g) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan